



PEJABAT PENDAFTAR

Rujukan Tuan :
Rujukan Kami : UPSI/PEND/BG1/597 (05/19)
Tarikh : 15 Julai 2019
12 Zulkaedah 1440H

SPP UPSI BIL. 5 TAHUN 2019

Semua
Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Pendidikan Sultan Idris

YBhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan,

**HARI KELEPASAN AM TAMBAHAN BAGI SELURUH NEGARA SEMPENA
ISTIADAT PERTABALAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG
XVI**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Kerajaan melalui Kenyataan Media Pejabat Ketua Setiausaha Negara bertarikh 28 Jun 2019 telah memutuskan supaya Hari Pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI pada hari Selasa, 30 Julai 2019 diisytiharkan sebagai Hari Kelepasan Am Tambahan bagi seluruh negara.

3. Pengisytiharan Hari Kelepasan Am Tambahan ini dibuat berdasarkan Seksyen 8 Akta Hari Kelepasan Am 1951 (Akta 369) bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Manakala bagi Sabah dan Sarawak, tindakan akan diambil oleh kerajaan – kerajaan negeri tersebut mengikut undang – undang negeri masing – masing.

4. Tarikh kuatkuasa pekeliling ini adalah pada 28 Jun 2019.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

'UNIVERSITI NO.1 PENDIDIKAN'

Saya yang menjalankan amanah,

(DR. HJH. ZAINAB OTHMAN)
Pendaftar
Universiti Pendidikan Sultan Idris

s.k : Y. Bhg. Dato' Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)